



POLISI E-PENYERTAAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)

Dasar e-Penyertaan ini bertujuan untuk memulakan budaya dan amalan e-penyertaan demi meningkatkan ketelusan dan penyertaan awam dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). LLM sentiasa mengiktiraf penglibatan awam bagi membolehkan agensi untuk meneroka perspektif yang lebih luas, sumber maklumat, dan penyelesaian yang berpotensi untuk meningkatkan keputusan dan perkhidmatan. Ia juga menyediakan asas bagi hubungan produktif, dialog dan perbincangan yang lebih baik, dan tadbir urus yang teratur.

Objektif e-Penyertaan adalah untuk melibatkan rakyat dalam dasar pembangunan dan proses membuat keputusan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Antara saluran komunikasi yang digunakan adalah seperti Aduan, Maklum Balas Pertanyaan, Undian, Emel dan Media Sosial Agensi iaitu Facebook dan Twitter.

Oleh yang demikian, LLM amat mengalu-alukan penyertaan dengan mematuhi terma dan syarat penyertaan yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Sebarang kenyataan yang menyentuh **sensitiviti sesama kaum, agama dan politik** adalah dilarang sama sekali.
2. **Dilarang menjatuhkan maruah, menyerang peribadi & mengeluarkan kenyataan** yang boleh menyinggung perasaan peserta yang lain.
3. Kawal kenyataan anda, elakkan dari mengeluarkan bahasa kesat dan kenegerian.
4. Tidak digalakkan bersembang atau menghantar ayat yang lari daripada topik utama.
5. Topik dan link ke laman web **LUCAH** adalah **DILARANG** sama sekali.
6. Pastikan kenyataan/topik anda tidak menyalahi peraturan '**COPYRIGHT LAW**', '**TRADEMARK**', '**PATENT**' dan lain-lain.

7. **DILARANG** menggunakan ruangan e-Penyertaan ini sebagai tempat untuk menjalankan sebarang peraduan, skim piramid, skim cepat kaya, skim duit internet, surat berantai, e-mail sampah (junk e-mail) samada secara komersil atau sebaliknya.
8. Pihak pentadbir ruangan e-Penyertaan di dalam mana-mana keadaan **tidak mengesahkan, menyokong, mewakili atau menjamin sebarang kebenaran, ketepatan atau kebolehpercayaan** mana-mana kenyataan/topik yang di buat di dalam ruangan e- Penyertaan ini. Individu itu sendiri seharusnya faham bahawa sebarang risiko berhubung kebolehpercayaan sesuatu bahan di dalam ruangan ini adalah ditanggung oleh individu itu sendiri.
9. Pihak pentadbir ruangan e-Penyertaan berhak meminda dan memadam manamana kenyataan/topik pada bila-bila masa tanpa memaklumkan kepada penulis kenyataan/topik berkenaan.
10. Pihak pentadbir ruangan e-Penyertaan berhak meminda Polisi dan Garis Panduan e- Penyertaan ini pada bila-bila masa tanpa sebarang pengumuman/notis.
11. Sebagai peserta atau mengeluarkan kenyataan dalam ruangan e-Penyertaan ini, anda termaktub dengan terma dan syarat Garis Panduan e-Penyertaan.